

▼14/09/18-18MST

CNS8964

U GB 14-09 00130 BH393

bah

Mahathir-kebebasan

KEBEBASAN BERAGAMA DIJAMIN, KATA MAHATHIR

I

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberikan jaminan bahawa kebebasan beragama yang wujud sekarang akan berkekalan.

"Kita cuba kembangkan idea toleransi itu kepada setiap rakyat supaya apabila seseorang itu meninggal dunia, idea itu tidak mati bersama tetapi diteruskan," katanya semasa majlis dialog pada satu seminar antarabangsa mengenai "Peranan dan Pengaruh Agama dalam Masyarakat" di sini.

Perdana Menteri menjawab soalan daripada seorang peserta yang bertanyakan sama ada kebebasan beragama yang wujud sekarang akan dikekalkan atau penggantinya mungkin mentafsirkan prinsip-prinsip Islam berlainan dan menggunakan pandangan yang sempit.

"Saya selalu percaya bahawa walaupun pemimpin bertukar ganti, tidak ada sesuatu yang dahsyat akan berlaku," kata Dr Mahathir. -- Lagi

▼14/09/18-18MST

CNS8973

U GB 14-09 00110 BH394

bah

Mahathir-kebebasan 2 Kuala Lumpur

"Apa yang beliau boleh lakukan semasa memegang teraju kepimpinan ialah cuba menanam idea dan falsafah kepada sebanyak mungkin rakyat. Ini yang kita lakukan dalam kerajaan sekarang," katanya.

"Kita cuba memerintah mengikut pemahaman dan kepercayaan tertentu bagi memastikan idea itu diteruskan walaupun pemimpinnya bertukar ganti.

"Rakyat Malaysia tidak perlu bimbang mengenai perkara ini," katanya.

Beliau berkata Perlembagaan Persekutuan juga memberikan jaminan kebebasan beragama walaupun Islam menjadi agama rasmi negara ini.

Menjawab satu lagi soalan, Dr Mahathir berkata perkhidmatan kerajaan yang sebilangan besarnya terdiri daripada orang Islam adil kepada semua orang dalam melaksanakan tugas mereka. -- Lagi

▼14/09/18-24MST

CNS8980

U GB 14-09 00075 BH395

bah

Mahathir-kebebasan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

"Jika mereka tidak berlaku adil, hari ini kita sudah tentu menghadapi masalah," katanya.

Beliau berkata walaupun ada segeklintir kakitangan awam yang mungkin mencetuskan masalah, kerajaan, yang diwakili pelbagai kaum dan agama, boleh mengendalikan perkara itu.

Seminar empat hari itu yang bermula semalam dianjurkan bersama oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Institut Goethe di sini. --

Bernama

AZZ TCL AKD

▼14/09/18-27MST